

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2020/08/24 - 57

KEMUKAKAN BORANG B TAHUN TAKSIRAN 2019 SELEWAT-LEWATNYA PADA 31 OGOS 2020

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memberikan peringatan kepada semua **pembayar cukai individu yang mempunyai pendapatan perniagaan** agar mengemukakan Borang B Tahun Taksiran 2019 mereka selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2020. Sebagai panduan berkenaan pengemukaan Borang tersebut, pembayar cukai boleh merujuk Program Memfail Borang Nyata bagi tahun 2020 yang boleh dicapai menerusi pautan berikut:
 - i. Bahasa Melayu:
http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2020_Pin.3_1.pdf
 - ii. Bahasa Inggeris:
http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2020_Pin.3_2.pdf
2. Bagi membantu pembayar cukai individu bagi kategori ini mengisi Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) mereka, LHDNM turut menyediakan senarai pelepasan cukai bagi TT 2019 yang boleh diakses daripada portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my > Individu > Pelepasan Cukai.

Isi maklumat diri dan perbankan dengan tepat untuk kelancaran proses bayaran balik cukai

3. Pemprosesan bayaran balik cukai terlebih bayar sentiasa menjadi keutamaan LHDNM dalam memastikan setiap pembayar cukai yang layak akan menerima bayaran balik cukai mereka dalam tempoh yang ditetapkan. Sehubungan itu, bagi membantu LHDNM memproses setiap bayaran balik cukai terlebih bayar dengan lancar, adalah dinasihatkan agar semua pembayar cukai mengisi maklumat yang tepat serta terkini dalam BNCP mereka.
4. Antara maklumat terkini dan penting yang diperlukan untuk kelancaran proses bayaran balik cukai terlebih bayar ialah nama penuh, nombor pengenalan diri, maklumat akaun bank yang aktif, alamat surat-menyurat, nombor telefon, alamat e-mel dan nombor pendaftaran pertubuhan (bagi pembayar cukai kategori pertubuhan).
5. Untuk sebarang maklumat lanjut, sila layari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my. Sebarang pertanyaan dan maklum balas berkaitan perkara ini juga boleh diajukan kepada LHDNM melalui:
 - a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
 - b) HASiL Live Chat;



- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>; dan
- d) Media Sosial Rasmi LHDNM iaitu:
- Facebook - <https://www.facebook.com/LHDNM>
 - Twitter - <https://twitter.com/LHDNMofficial>

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



**Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 24 Ogos 2020

LHDN
MALAYSIA



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube